

---

## **BAHAGIAN 3**

**MEMPERKUKUHKAN PERANAN  
KUMPULAN UTAMA**



## **BAB 23**

### **MUKADIMAH**



## MUKADIMAH

- 23.1 Apa yang kritikal bagi pelaksanaan berkesan objektif, dasar dan mekanisme yang dipersetujui oleh Kerajaan di dalam semua bidang program Agenda 21 adalah komitmen dan penglibatan sebenar semua kumpulan sosial.
- 23.2 Salah satu keperluan awal yang asas bagi pencapaian pembangunan mapan adalah penyertaan awam dalam proses membuat ketetapan. Tambahan pula, telah timbul keperluan bagi penyertaan dalam bentuk yang baru (di dalam konteks alam sekitar dan pembangunan yang lebih khusus). Ini termasuklah keperluan bagi individu, kumpulan dan pertubuhan menyertai prosidur penilaian kesan kepada alam sekeliling dan untuk mengetahui dan menyertai proses membuat ketetapan khususnya yang berpotensi menjejaskan masyarakat di mana mereka tinggal dan berkerja. Individu, kumpulan dan pertubuhan hendaklah berpeluang mendapatkan maklumat tentang keluaran dan aktiviti yang telah dan akan mempunyai kesan ketara kepada alam sekeliling, serta maklumat tentang langkah perlindungan alam sekitar.
- 23.3 Apa-apa dasar, definisi atau kaedah yang melibatkan peluang dan penyertaan pertubuhan bukan kerajaan di dalam usaha institusi atau agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung pelaksanaan Agenda 21, hendaklah dipakai kepada semua kumpulan utama.
- 23.4 Bidang program berikut menjelaskan kaedah bagi menuju perhubungan sosial yang sebenar dalam menyokong usaha sejagat ke arah pembangunan mapan.



## **BAB 24**

### **TINDAKAN SEDUNIA UNTUK WANITA KE ARAH PEMBANGUNAN SETARA DAN MAPAN**



**TINDAKAN SEDUNIA UNTUK WANITA  
KE ARAH PEMBANGUNAN SETARA DAN MAPAN**

***BIDANG PROGRAM***

Asas untuk tindakan

- 24.1 Komuniti antarabangsa telah mengesahkan beberapa plan tindakan dan konvensyen bagi persepaduan penuh, setara dan menafaat wanita dalam semua aktiviti pembangunan terutamanya strategi mara kehadapan Nairobi bagi peningkatan wanita, <sup>11</sup> yang menekankan penglibatan wanita dalam pengurusan ekosistem kebangsaan dan antarabangsa dana pengawalan kemerosotan alam sekitar. Beberapa konvensyen, termasuk Konvensyen Penyingkiran Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Resolusi Perhimpunan Am 34/180 annex) dan konvensyen ILO dan UNESCO telahpun menerima pakai untuk menghentikan diskriminasi terhadap jantina dan memastikan wanita mendapat kemudahan tanah dan sumber lain, pendidikan dan pekerjaan yang setara dan selamat. Juga berkaitan ialah Deklarasi Sedunia Mengenai keupayaan untuk hidup, Perlindungan dan Perkembangan Kanak-Kanak dan Plan Tindakan 1990 (A/45/625, annex). Pelaksanaan program dengan berkesan akan bergantung di atas penglibatan secara aktif kaum wanita dalam ekonomi dan mengambil keputusan dalam politik dan akan menjadi kritikal bagi kejayaan pelaksanaan Agenda 21.

Objektif

- 24.2 Objektif berikut dicadangkan bagi kerajaan:
- (a) Untuk melaksanakan Strategi Mara ke Hadapan Nairobi bagi Peningkatan Wanita terutama dalam pengurusan ekosistem kebangsaan dan pengawalan kemerosotan alam sekitar;
  - (b) Untuk meningkatkan kadar pembuat keputusan, perancang, penasihat teknikal, pengurus dan pekerja tambahan dalam alam sekitar dan bidang pembangunan yang terdiri dari wanita;
  - (c) Untuk menimbangkan membangunkan dan mengeluarkan menjelang tahun 2000 satu strategi perubahan yang diperlukan untuk menyingkir konstitusi, perundangan, pentadbiran, adat resam, tingkah laku, rintangan sosial dan ekonomi terhadap penglibatan penuh kaum wanita dalam pembangunan mampan dan dalam kehidupan awam;
  - (d) Untuk mewujudkan menjelang tahun 1995, mekanisma-mekanisma di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menilai pelaksanaan dan kesan pembangunan dan polisi alam sekitar dan program bagi wanita dan memastikan sumbangan serta kemanafaatan mereka;

- (e) Untuk menilai, mengulang kaji, meneliti dan melaksanakan di mana perlu, kurikulum dan bahan pendidikan lain dengan pandangan untuk menggalakkan penyebaran kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berpengetahuan mengenai penjenisan dan penilaian peranan wanita melalui pendidikan rasmi dan tidak rasmi dan juga melalui institusi latihan dengan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan;
- (f) Untuk membentuk dan melaksanakan polisi kerajaan dan garis panduan kebangsaan, strategi dan pelan untuk mencapai keadilan semua aspek dalam masyarakat termasuk peningkatan kenal huruf kaum wanita, pendidikan, latihan, pemakanan dan kesihatan dan penglibatan mereka dalam jawatan utama yang membuat keputusan dan dalam pengurusan alam sekitar, khususnya yang berkaitan dengan perolehan kepada sumber dengan memudahkan perolehan kepada semua bentuk kredit, khususnya dalam sektor tak formal dan mengambil langkah ke arah memastikan perolehan kaum wanita kepada hak harta termasuk juga input dan pelaksanaan pertanian;
- (g) Untuk melaksanakan, sebarang langkah segera, mengikut keadaan khas sesebuah negara, langkah untuk memastikan bahawa wanita dan lelaki mempunyai hak yang sama untuk membuat keputusan dengan bebas dan bertanggungjawab bilangan dan jarak anak dan mempunyai perolehi kepada maklumat, pendidikan dan cara, sebagaimana sesuai, untuk membolehkan mereka mengamalkan hak ini sesuai dengan kebebasan, maruah dan nilai peribadi;
- (h) Untuk menimbangankan menerima pakai, memperkukuhkan dan menguatkuasa undang-undang melarang keganasan terhadap kaum wanita dan untuk mengambil semua langkah pentadbiran sosial dan pendidikan yang perlu untuk membasmi segala bentuk keganasan terhadap wanita.

#### Aktiviti

24.3 Kerajaan hendaklah mengambil langkah aktif untuk melaksanakan perkara berikut:

- (a) Langkah untuk mengkaji dasar dan membentuk pelan untuk meningkatkan nisbah penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan, perancang, pengurus, ahli sains dan penasihat teknik dalam merebentuk, pembangunan dan pelaksanaan polisi dan program untuk pembangunan mapan;
- (b) Langkah untuk mengukuh dan memberi kuasa kepada biro wanita, pertubuhan wanita yang bukan kerajaan dan kumpulan wanita dalam mempertingkatkan pembinaan keupayaan untuk pembangunan mapan;
- (c) Langkah untuk menghapus buta huruf dikalangan wanita dan untuk mengembang kepada bilangan wanita dan pelajar perempuan dalam

- institusi pendidikan, untuk meningkatkan perolehan matlamat perolehan universal kepada pendidikan rendah dan menengah untuk kanak-kanak perempuan dan wanita, dan untuk menambah peluang pendidikan dan latihan untuk wanita dan kanak-kanak perempuan dalam sains dan teknologi, khususnya diperingkat lepasan menengah;
- (d) Program untuk meningkatkan pengurangan beban kerja wanita dan kanak-kanak perempuan di dalam dan di luar rumah melalui penubuhan taman asuhan kanak dan tadika oleh kerajaan, penguasa tempatan, majikan dan pertubuhan berkaitan yang lain dan berkongsi tugas rumah antara lelaki dan wanita atas dasar kesaksamaan dan untuk meningkatkan peruntukan teknologi yang sempurna alam yang telah direkabentuk, dibangunkan dan diperbaiki hasil rundingan bersama kaum wanita, perolehan air yang bersih, bekalan bahan bakar yang cekap dan kemudahan sanitari yang mencukupi;
  - (e) Program untuk menubuh dan mengukuhkan kemudahan kesihatan mencegah dan merawat, yang termasuk penjagaan kesihatan reproduktif yang berpusat kepada wanita, diuruskan oleh wanita, selamat dan berkesan dan termampu, mudah diperolehi, perancangan saiz keluarga yang bertanggung jawab dan perkhidmatan, sebagaimana sesuai, selaras dengan kebebasan, maruah dan nilai-nilai peribadi. Program hendaklah menumpukan kepada menyediakan penjagaan kesihatan yang menyeluruh termasuk penjagaan pranatal, pendidikan dan maklumat mengenai kesihatan dan kekeluargaan yang bertanggungjawab, dan hendaklah menyediakan peluang untuk kaum wanita menyusu badan sepenuhnya sekurang-kurangnya pada empat bulan pertama selepas bersalin. Program hendaklah sepenuhnya menyokong peranan wanita yang produktif dan reproduktif dan kebajikan dan hendaklah memberi perhatian khas kepada keperluan untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang adil dan diperbaiki bagi semua kanak-kanak dan mengurangkan risiko kematian ibu dan bayi dan penyakit;
  - (f) Program untuk menyokong dan mengukuh peluang pekerjaan yang adil dan menguntungkan untuk wanita dalam sektor formal dan tak formal dengan sistem dan perkhidmatan sokongan ekonomi, politik dan sosial yang mencukupi, termasuk penjagaan kanak-kanak khususnya pusat penjagaan harian dan cuti bagi ibubapa/perolehan yang adil kepada kredit, tanah dan sumber semulajadi yang lain;
  - (g) Program untuk menubuh sistem perbankan luar bandar dengan tujuan untuk memudah dan meningkat perolehan wanita luar bandar kepada kredit dan imput dan pelaksanaan pertanian;
  - (h) Program untuk membentuk kesedaran pengguna dan penglibatan aktif kaum wanita, dengan menekankan peranan penting mereka dalam mencapai perubahan yang perlu untuk mengurang atau menghapuskan corak penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan, khususnya

dalam negara maju, untuk menggalak pelaburan aktiviti yang produktif dan sempurna alam dan memberangsang pembangunan industri yang indah alam dan sosial;

- (i) Program untuk menghapuskan imej negatif yang berterusan, stereotype, sikap dan prejudis terhadap kaum wanita melalui perubahan dan corak sosialisasi, media, pengiklanan dan pendidikan formal dan tidak formal;
- (j) Langkah untuk mengkaji kemajuan yang dicapai di dalam bidang ini, termasuk penyediaan kajian dan laporan penilaian yang termasuk syor yang akan dibentangkan dalam persidangan dunia mengenai wanita dalam tahun 1995.

24.4 Kerajaan adalah diseru untuk mengesahkan semua konvensyen yang berkaitan dengan wanita jika mereka belum berbuat demikian. Negara yang telah mengesahkan konvensyen hendaklah menguatkuasa dan membentuk prosidur undang-undang, perlembagaan dan pentadbiran untuk menukar hak-hak yang dipersetujui kepada perundangan domestik dan hendaklah menerima pakai langkah untuk melaksanakannya bagi mengukuhkan keupayaan undang-undang untuk penglibatan penuh dan adil dalam isu dan keputusan mengenai pembangunan mapan.

24.5 Parti negara kepada Konvensyen mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap wanita hendaklah mengkaji dan mencadang pindaan yang dibuat menjelang tahun 2000, dengan tujuan untuk memperkukuhkan konvensyen berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan, dengan memberi perhatian khas kepada isu perolehan dan hakmilik kepada sumber semula jadi, teknologi, kemudahan perbankan kreatif dan perumahan kos rendah, dan pengawalan pencemaran dan keracunan di rumah dan di tempat kerja. Parti negara hendaklah juga menjelaskan keluasan skop konvensyen dengan perhatian kepada isu alam sekitar dan pembangunan dan permintaan Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita untuk membangun garis panduan mengenai cara melaporkan isu tersebut, yang dikehendaki dibawah artikel tertentu konvensyen tersebut.

(a) *Bidang yang memerlukan tindakan segera*

24.6 Negara hendaklah mengambil langkah segera untuk mengelakkan kemerosotan alam sekitar dan ekonomi yang pantas di negara membangun yang secara amnya memberi kesan kepada nyawa kaum wanita dan kanak-kanak di luar bandar yang mengalami kemarau, penggurunan dan penebangan hutan, permusuhan bersenjata, bencana alam, buangan toksik dan akibat kegunaan hasil kimia pertanian yang tidak sesuai.

24.7 Untuk mencapai matlamat ini, kaum wanita hendaklah terlibat sepenuhnya dalam membuat keputusan dan dalam pelaksanaan aktiviti pembangunan mapan.

(b) *Penyelidikan, pengumpulan data dan penyebaran maklumat*

24.8 Negara hendaklah membangunkan pengkalan data yang sensitif ke atas gender, sistem maklumat penglibatan dan penyelidikan mengenai penglibatan yang berorientasikan tindakan dan analisa dasar dengan kerjasama institusi akademik dan para penyelidik wanita tempatan keatas perkara berikut:

- (a) Pengetahuan dan pengalaman kaum wanita dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber semulajadi untuk digabungkan ke dalam pengkalan data dan sistem maklumat untuk pembangunan mapan;
- (b) Kesan program penyelarasan struktur keatas wanita. Dalam penyelidikan yang dijalankan ke atas program penyelarasan struktur wanita, perhatian khas hendaklah diberi kepada perbezaan kesan program tersebut ke atas wanita, terutamanya mengenai pemotongan dalam perkhidmatan sosial, pendidikan dan kesihatan dan dalam penghapusan subsidi makanan dan bahan bakar;
- (c) Kesan kemerosotan alam sekitar keatas wanita, khususnya kemarau, penggurunan, bahan kimia toksik dan permusuhan bersenjata;
- (d) Analisa mengenai kaitan struktur diantara perhubungan gender, alam sekitar dan pembangunan;
- (e) Penyepaduan nilai kerja tanpa bayaran, termasuk kerja yang kini dikenali sebagai "domestik" dalam mekanisme perakaunan sumber untuk mewakili dengan lebih tepat nilai sebenar sumbangan wanita kepada ekonomi, menggunakan garis panduan yang disemak untuk Sistem Akaun Kebangsaan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang akan dikeluarkan dalam tahun 1993;
- (f) Langkah-langkah untuk membangun dan memasukkan analisa kesan alam sekitar, sosial dan gender sebarang langkah penting dalam pembangunan dan pengawasan program dan polisi;
- (g) Program untuk mengadakan latihan luar bandar dan bandar, penyelidikan dan pusat sumber dinegara membangun dan maju yang akan membantu menyebarkan teknologi yang sempurna alam kepada wanita.

(c) *Kerjasama dan penyelarasan antarabangsa dan serantau*

24.9 Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mengkaji kecukupan semua institusi Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk yang memberi tumpuan khas kepada peranan wanita, dalam memenuhi objektif pembangunan dan alam sekitar, dan membuat syor-syor untuk memperkukuhkan keupayaan mereka. Institusi yang memerlukan perhatian khas didalam bidang ini termasuk Bahagian untuk Kemajuan Wanita (pusat untuk Pembangunan Sosial dan Ehwal Kemanusiaan, Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna), Tabung Pembangunan

untuk Wanita (UNIFEM), Institute Penyelidikan dan Latihan Antarabangsa untuk Kemajuan Wanita (INSTRAW) dan program wanita dan suruhanjaya serantau. Kajian hendaklah menimbangkan bagaimana program alam sekitar dan pembangunan setiap badan sistem Bangsa-Bangsa Bersatu boleh diperkukuhkan untuk melaksana Agenda 21 dan bagaimana untuk menggabungkan peranan wanita kedalam program dan sebarang keputusan berkaitan pembangunan mapan.

- 24.10 Setiap badan dalam sistem Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mengkaji bilangan wanita dalam jawatan kanan diperingkat polisi dan membuat keputusan dan, dimana sesuai, menerimapakai program untuk meningkatkan bilangan tersebut, mengikut resolusi Majlis Ekonomi dan Sosial 1991/17 mengenai peningkatan status wanita dalam Sekretariat.
- 24.11 UNIFEM hendaklah membentuk rundingan yang teratur dengan penderma dengan kerjasama bersama UNICEF, yang bertujuan untuk meningkatkan program beroperasi dan projek mengenai pembangunan mapan yang akan mengukuhkan penglibatan wanita, terutama wanita yang berpendapatan rendah, dalam pembangunan mapan dan membuat keputusan. UNEP hendak menubuhkan pusat rujukan wanita mengenai pembangunan dan alam sekitar disetiap resident pejabat perwakilan untuk menyediakan maklumat dan meningkatkan pertukaran pengalaman dan maklumat didalam bidang ini. Badan-badan sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat dengan susulan persidangan dan pelaksanaan Agenda 21 hendaklah memastikan pertimbangan gender dipersepadukan sepenuhnya ke dalam semua polisi, program dan aktiviti.

Kaedah pelaksanaan

(a) *Pembiayaan dan penilaian kos*

- 24.12 Sekretariat UNCED telah menganggarkan purata jumlah kos tahunan (1993 - 2000) untuk melaksana aktiviti di dalam bab ini kira-kira \$40 juta dari masyarakat antarabangsa dalam bentuk geran atau syarat konsesi. Ini ada anggaran indikatif dan turutan magnitud sahaja dan belum pernah dikaji oleh kerajaan kos sebenar dan persetujuan pembiayaan termasuk yang bukan konsesi, bergantung kepada, antaranya, strategi-stragei khas dan program yang diputuskan oleh kerajaan untuk dilaksanakan.

Nota

1. Laporan Persidangan Dunia untuk Mengkaji dan Menilai Pencapaian Dekad Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Wanita : Keadilan, Pembangunan dan Pendamaian, Nairobi, 15-26 Julai 1985 (Penerbitan Bangsa-Bangsa Bersatu, No. Jualan No. E.85.(V.10), bab 1, bhg A.

## **BAB 25**

# **KANAK-KANAK DAN BELIA DALAM PEMBANGUNAN MAPAN**



## KANAK-KANAK DAN BELIA DALAM PEMBANGUNAN MAPAN

### ***PENGENALAN***

- 25.1 Kaum belia merupakan hampir 30 peratus penduduk dunia. Penglibatan belia hari ini dalam membuat keputusan mengenai alam sekitar dan pembangunan dan dalam pelaksanaan program adalah kritikal kepada kejayaan jangka panjang Agenda 21.

### ***BIDANG PROGRAM***

- A. Memajukan peranan belia dan melibatkan mereka secara aktif dalam perlindungan alam sekitar dan peningkatan pembangunan ekonomi dan sosial**

#### *Asas untuk bertindak*

- 25.2 Adalah penting bagi kaum belia dari seluruh pelusuk dunia untuk melibatkan diri secara aktif dalam semua peringkat proses membuat keputusan kerana ia menjejaskan kehidupan mereka di masa kini dan implikasi untuk masa depan. Sebagai tambahan kepada sumbangan intelektual dan keupayaan mereka untuk menggerakkan sokongan, mereka memberi perspektif unik yang perlu diambil kira.
- 25.3 Berbagai tindakan dan syor-syor di kalangan masyarakat antarabangsa telah dicadangkan untuk memastikan belia diberi masa depan yang selamat dan sihat, termasuk alam sekitar yang berkualiti, taraf hidup yang baik dan perolehan kepada pendidikan dan pekerjaan. Isu ini perlu diutamakan dalam perancangan pembangunan.

#### *Objektif*

- 25.4 Setiap negara hendaklah, dengan rundingan bersama masyarakat belia, membentuk proses untuk meningkatkan dialog antara masyarakat belia dengan kerajaan di semua peringkat dan untuk membentuk mekanisme yang membenarkan belia mendapat perolehan kepada maklumat dan memberi mereka peluang untuk membentangkan perspektif mengenai keputusan kerajaan, termasuk pelaksanaan Agenda 21.
- 25.5 Setiap negara, menjelang tahun 2000, hendaklah memastikan lebih daripada 50 peratus para belianya, seimbang dalam segi jantina, memasuki atau mendapat kemudahan pendidikan menengah yang sesuai atau pendidikan seumpamanya atau program latihan vokasional dengan meningkatkan penglibatan dan kadar perolehan tahunan.

- 25.6 Setiap negara hendaklah mengambil daya usaha yang bertujuan mengurangkan kadar pengangguran belia masa kini, khususnya di mana ketidakseimbangan adalah tinggi berbanding dan kadar pengangguran keseluruhannya.
- 25.7 Setiap negara dan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah menyokong peningkatan dan penciptaan mekanisme untuk melibatkan penyertaan belia di semua proses Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mempengaruhi proses tersebut.
- 25.8 Setiap negara hendaklah membanteras penyalahgunaan hak asasi manusia terhadap golongan belia, khususnya wanita muda dan kanak-kanak perempuan, dan hendaklah menimbang untuk memperuntukkan semua belia dengan perlindungan undang-undang, kemahiran, peluang dan sokongan yang perlu untuk mereka memenuhi aspirasi dan potensi peribadi, ekonomi dan sosial.

Aktiviti

- 25.9 Kerajaan, mengikut strategi mereka, hendaklah mengambil langkah-langkah untuk:
  - (a) Membentuk prosedur yang membenarkan rundingan dan kemungkinan penglibatan para belia, menjelang 1993, dalam proses membuat keputusan berkaitan alam sekitar, melibatkan belia di peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau;
  - (b) Meningkatkan dialog dengan pertubuhan-pertubuhan belia mengenai deraf dan menilai pelan-pelan alam sekitar dan program atau persoalan mengenai pembangunan;
  - (c) Mempertimbangkan untuk digabung ke dalam dasar yang berkaitan syor-syor persidangan belia antarabangsa, serantau dan tempatan dan forum lain yang menawarkan perspektif mengenai pembangunan sosial dan ekonomi dan pengurusan sumber;
  - (d) Memastikan perolehan semua jenis pendidikan kepada semua belia, di mana sesuai, menyediakan struktur pembelajaran pilihan, memastikan bahawa pendidikan menggambarkan keperluan ekonomi dan sosial para belia dan menggabungkan konsep kesedaran alam sekitar dan pembangunan mapan ke dalam kurikulum; dan mengembangkan latihan vokasional, melaksanakan kaedah inovatif yang bertujuan untuk menambah kemahiran praktikal, seperti 'scout' alam sekitar;
  - (e) Dengan kerjasama kementerian dan pertubuhan yang berkaitan termasuk yang mewakili belia, membangun dan melaksana strategi untuk mengwujudkan peluang pekerjaan pilihan dan menyediakan latihan yang diperlukan oleh lelaki dan wanita muda;

- (f) Membentuk pasukan petugas yang melibatkan belia dan pertubuhan bukan kerajaan belia dalam membangunkan program pendidikan dan kesedaran terutamanya yang disasarkan kepada populasi belia mengenai isu kritikal yang berkaitan dengan belia. Pasukan petugas ini hendaklah menggunakan kaedah pendidikan formal dan bukan formal untuk sampai kepada kumpulan sasaran yang lebih ramai. Media kebangsaan dan tempatan, pertubuhan bukan kerajaan, pengusaha dan pertubuhan lain hendaklah membantu dalam pasukan petugas;
- (g) Memberi sokongan kepada program, projek, rangkai kerja, pertubuhan kebangsaan dan pertubuhan bukan kerajaan belia untuk mengkaji penyatupaduan program yang berkaitan dengan kehendak-kehendak projek, menggalakkan penglibatan belia dalam pengenalan projek, reka bentuk, pelaksanaan dan susulan;
- (h) Memasukkan wakil belia ke dalam delegasi ke mesyuarat-mesyuarat, mengikut resolusi persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang diterima pakai dalam tahun 1968, 1977, 1985 dan 1989.

25.10 Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan antarabangsa bersama dengan program belia hendaklah mengambil langkah-langkah untuk:

- (a) Mengkaji program belia dan menimbangakan bagaimana penyelarasan antara mereka boleh dipertingkatkan;
- (b) Memperbaiki penyebaran maklumat berkaitan kepada kerajaan, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain mengenai kedudukan dan aktiviti semasa belia, dan mengawas dan menilai aplikasi Agenda 21;
- (c) Meningkatkan Tabung Amanah Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Tahun Belia Antarabangsa dan menyelaraskan dengan wakil belia dalam pentadbirannya, dengan menumpukan khasnya, ke atas keperluan belia di negara membangun.

#### Kaedah pelaksanaan

#### Pembiayaan dan penilaian kos

25.11 Urus setia UNCED telah menganggarkan jumlah purata kos tahunan (1993 - 2000) bagi melaksanakan aktiviti dalam bab ini ialah kira-kira \$1.5 juta daripada masyarakat antarabangsa dalam bentuk geran dan syarat konsesi. Ini adalah anggaran indikatif dan turutan magnitud sahaja dan belum dikaji oleh kerajaan. Kos sebenar dan persetujuan pembiayaan, termasuk yang bukan berkonsesi, bergantung kepada, antara lain, strategi dan program khusus yang ditetapkan oleh kerajaan pelaksanaannya.

**B. Kanak-kanak dalam pembangunan mapan**

Asas untuk bertindak

25.12 Kanak-kanak bukan sahaja akan mewarisi tanggungjawab memelihara bumi, tetapi di kebanyakan negara membangun, mereka merupakan separuh daripada jumlah penduduk. Tambahan pula, kanak-kanak di negara membangun dan negara maju sangat terdedah kepada kesan-kesan kemusnahan alam sekitar. Mereka juga merupakan penyokong kepada pemikiran alam sekitar. Kepentingan khusus kanak-kanak perlu diambil kira sepenuhnya dalam proses penglibatan mengenai alam sekitar dan pembangunan bagi menjaga masa depan kemapanan daripada sebarang tindakan untuk memperbaiki alam sekitar.

Objektif

25.13 Kerajaan, mengikut dasar mereka, hendaklah mengambil langkah untuk:

- (a) Memastikan keupayaan untuk hidup, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak, mengikut matlamat yang disahkan oleh Kemuncak Dunia untuk Kanak-Kanak 1990;
- (b) Memastikan kepentingan kanak-kanak diambil kira sepenuhnya dalam proses penglibatan mengenai pembangunan mapan dan memperbaiki alam sekitar.

25.14 Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah aktif untuk:

- (a) Melaksanakan program untuk kanak-kanak yang direka bentuk supaya sampai kepada matlamat yang berkaitan dengan kanak-kanak bagi tahun 1990 dalam bidang alam sekitar dan pembangunan, khususnya kesihatan, pemakanan, pendidikan, buta huruf dan peringanan kemiskinan;
- (b) Mengesahkan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (resolusi 44/25 Persidangan Agung pada 20 November 1989, annex), seawal yang mungkin dan melaksanakannya dengan mengutamakan keperluan asas belia dan kanak-kanak;
- (c) Meningkatkan aktiviti penjagaan asas alam sekitar yang mengutamakan keperluan asas masyarakat, memperbaiki persekitaran untuk kanak-kanak di peringkat rumah dan masyarakat dan menggalakkan penglibatan dan pemberian kuasa kepada penduduk setempat, termasuk kaum wanita, belia, kanak-kanak dan penduduk pribumi, ke arah objektif penyatupaduan masyarakat dalam pengurusan sumber, terutamanya di negara membangun;

- (d) Mengembangkan peluang pendidikan kepada kanak-kanak dan belia, termasuk pendidikan mengenai tanggungjawab alam sekitar dan pembangunan, termasuk pendidikan untuk kanak-kanak perempuan;
- (e) Menggerakkan masyarakat melalui sekolah dan pusat-pusat kesihatan tempatan agar kanak-kanak dan ibu bapa mereka menjadi pusat rujukan yang berkesan untuk sensitisasi masyarakat kepada isu alam sekitar;
- (f) Menubuhkan prosedur untuk menggabungkan kepentingan kanak-kanak ke dalam semua dasar dan strategi yang berkaitan untuk alam sekitar dan pembangunan di peringkat tempatan, serantau dan kebangsaan, termasuk yang berkaitan pengagihan dan hak sumber semula jadi, perumahan dan keperluan rekreasi, dan pengawalan pencemaran dan keracunan di kawasan luar bandar dan bandar.

25.15 Pertubuhan antarabangsa dan serantau hendaklah menyelaras dan berkerjasama dalam bidang yang dicadangkan. UNICEF hendaklah mengekalkan kerjasama dan pakatan dengan pertubuhan lain Bangsa-Bangsa Bersatu, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan bagi membangunkan program untuk kanak-kanak dan program untuk menggerakkan kanak-kanak ke dalam aktiviti yang tersebut di atas.

Kaedah pelaksanaan

(a) *Pembiayaan dan penilaian kos*

25.16 Keperluan pembiayaan bagi kebanyakan aktiviti telah dimasukkan ke dalam anggaran untuk program lain.

(b) *Pembangunan sumber manusia dan pembinaan keupayaan*

25.17 Aktiviti-aktiviti hendaklah memudahkan pembinaan keupayaan yang telah dinyatakan dalam bab-bab lain Agenda 21.

Nota

1. Lihat A/45/625, annex.



## **BAB 26**

# **MENGIKTIRAF DAN MEMPERKUKUHKAN PERANAN PENDUDUK PRIBUMI DAN MASYARAKAT LAIN**



**MENGIKTIRAF DAN MEMPERKUKUHKAN PERANAN  
PENDUDUK PRIBUMI DAN MASYARAKAT LAIN**

***BIDANG PROGRAM***

Asas untuk bertindak

- 26.1 Penduduk pribumi dan masyarakat mereka mempunyai kaitan sejarah dengan tanah dan secara amnya merupakan keturunan penduduk asal tanah tersebut. Dalam konteks bab ini dan perkataan "tanah" difahamkan ianya termasuk alam sekitar kawasan di mana penduduk yang berkaitan tinggal secara tradisi. Penduduk pribumi dan masyarakat mereka merupakan peratus yang ketara daripada penduduk sedunia. Mereka telah membangunkan sejak beberapa generasi pengetahuan saintifik dan tradisi yang holistik mengenai tanah mereka, sumber semula jadi dan alam sekitar. Penduduk pribumi dan masyarakat mereka akan menikmati hak kemanusiaan dan kebebasan hakiki tanpa kacauganggu atau diskriminasi. Keupayaan mereka untuk terlibat sepenuhnya dalam amalan pembangunan mapan ke atas tanah mereka telah dihadkan oleh faktor ekonomi, sosial dan sifat sejarah. Dalam hal hubungan antara alam sekitar semulajadi dan pembangunan mapannya dan kebudayaan, sosial, ekonomi dan kesejahteraan fizikal penduduk pribumi, usaha-usaha antarabangsa dan kebangsaan untuk melaksanakan pembangunan yang mesra alam dan mapan hendaklah mengiktiraf, menampung, meningkat dan mengukuhkan peranan penduduk pribumi dan masyarakat mereka.
- 26.2 Seseengah matlamat yang selari dengan objektif dan aktiviti bidang program ini adalah terkandung dalam instrumen perundangan antarabangsa seperti ILO konvensyen Penduduk Pribumi dan Asli (No. 169) dan telah digabungkan ke dalam deraf deklarasi sejagat mengenai hak kaum pribumi yang disediakan oleh kumpulan kerja Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai penduduk pribumi. Tahun Antarabangsa untuk Penduduk Pribumi Dunia (1993) yang diistiharkan oleh Persidangan Agung dalam resolusi 45/164 pada 18 Disember 1990, merupakan peluang yang tepat pada waktunya untuk menggerakkan seterusnya kerjasama teknikal dan kewangan antarabangsa.

Objektif

- 26.3 Dengan perkongsian penuh bersama penduduk pribumi dan masyarakat mereka, Kerajaan dan di mana sesuai, pertubuhan antara kerajaan, hendaklah mempunyai tujuan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:
- (a) Pembentukan proses memberi kuasa kepada penduduk pribumi dan masyarakat mereka melalui langkah-langkah yang termasuk:
    - (i) Menerima atau memperkukuhkan dasar yang sesuai dan/atau instrumen perundangan di peringkat kebangsaan;

- (ii) Mengiktiraf bahawa tanah penduduk pribumi dan masyarakat mereka hendaklah dilindungi daripada aktiviti-aktiviti yang tidak mesra alam atau yang mana penduduk pribumi menganggap tidak sesuai dari segi sosial atau kebudayaan;
  - (iii) Mengiktiraf nilai mereka, pengetahuan tradisi dan amalan pengurusan sumber dengan tujuan untuk meningkatkan pembangunan mapan dan indah alam sekitar;
  - (iv) Mengiktiraf bahawa pergantungan tradisional dan secara langsung ke atas sumber boleh diperbaharui dan ekosistem, termasuk penuaian mapan, terus menjadi aspek penting kepada kebudayaan, ekonomi dan kesejahteraan fizikal penduduk pribumi dan masyarakat mereka;
  - (v) Membangun dan memperkukuhkan pengendalian pertikaian - resolusi kebangsaan yang berkaitan dengan penyelesaian tanah dan pengurusan sumber;
  - (vi) Sokongan untuk kaedah-kaedah pengeluaran pilihan yang sesuai mengikut kehendak alam sekitar bagi memastikan terdapat pilihan bagaimana untuk memperbaiki kualiti hidup agar mereka dapat melibatkan diri dengan berkesan dalam pembangunan mapan;
  - (vii) Peningkatan pembinaan keupayaan untuk masyarakat pribumi, berdasarkan penyesesuaian dan pertukaran pengalaman tradisi, pengetahuan dan amalan-amalan pengurusan sumber untuk memastikan pembangunan mapan.
- (b) Menubuhkan, di mana sesuai, susunan untuk mengukuhkan penglibatan aktif penduduk pribumi dan masyarakat mereka dalam pembentukan dasar, undang-undang dan program kebangsaan yang berkaitan dengan pengurusan sumber dan proses pembangunan lain yang mungkin memberi kesan kepada mereka, dan daya usaha cadangan-cadangan mereka untuk dasar dan program tersebut.
  - (c) Melibatkan penduduk pribumi dan masyarakat mereka di peringkat kebangsaan dan tempatan dalam pengurusan sumber dan strategi pemuliharaan dan program-program lain yang berkaitan yang ditubuhkan untuk menyokong dan mengkaji strategi pembangunan mapan, seperti yang telah dicadangkan dalam program lain dalam Agenda 21.

### Aktiviti

- 26.4 Sesetengah penduduk pribumi dan masyarakat mereka mungkin memerlukan, mengikut perundangan kebangsaan, penguasaan yang lebih terhadap tanah mereka, pengurusan sendiri sumber, penglibatan dalam keputusan-keputusan pembangunan yang memberi kesan kepada mereka, termasuk, di mana sesuai,

penglibatan dalam penubuhan atau pengurusan kawasan yang dilindungi. Berikut adalah sesetengah daripada langkah khas yang boleh diambil oleh kerajaan:

- (a) Mempertimbangkan untuk mengesah dan menggunakan konvensyen antarabangsa yang sedia ada dan berkaitan dengan penduduk pribumi dan masyarakat mereka (yang belum dilakukan) dan memberi sokongan untuk menerima pakai deklarasi Persidangan Agung mengenai hak-hak pribumi;
- (b) Menerima pakai atau mengukuhkan dasar yang sesuai dan/atau instrumen undang-undang yang akan melindungi intelektual dan harta benda kebudayaan pribumi dan hak untuk mengekalkan sistem adat resam dan pentadbiran serta amalan-amalan.

26.5 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan pembangunan dan kewangan antarabangsa yang lain dan kerajaan hendaklah, berdasarkan penglibatan aktif kaum pribumi dan masyarakat mereka, sebagaimana sesuai, mengambil langkah-langkah berikut, antaranya untuk menggabungkan nilai-nilai mereka, pandangan dan pengetahuan, termasuk sumbangan unik wanita pribumi, dalam pengurusan sumber dan dasar dan program lain yang akan memberi kesan kepada mereka:

- (a) Melantik pusat rujukan khas di kalangan setiap pertubuhan antarabangsa dan menubuhkan mesyuarat/penyelarasan antara pertubuhan dengan rundingan bersama kerajaan dan pertubuhan pribumi, sebagaimana sesuai, dan membangunkan prosedur di kalangan dan di antara agensi yang beroperasi untuk membantu kerajaan dalam memastikan penggabungan yang selari dan selaras dengan pendapat-pendapat penduduk pribumi dalam membentuk dan melaksana dasar dan program;
- (b) Menyediakan bantuan teknikal dan kewangan untuk program pembinaan keupayaan bagi menyokong pembangunan diri yang mapan kaum pribumi dan masyarakat mereka;
- (c) Mengukuhkan program penyelidikan dan pendidikan yang ditujukan kepada:
  - (i) Mencapai pemahaman yang lebih baik mengenai pengalaman pengurusan dan pengetahuan penduduk pribumi yang berkaitan dengan alam sekitar, dan menggunakannya dalam menghadapi cabaran pembangunan sezaman;
  - (ii) Meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sumber penduduk pribumi, contohnya, dengan meningkatkan proses terima pakai dan penyebaran inovasi teknologi yang sesuai;

- (d) Menyumbang kepada usaha-usaha penduduk pribumi dan masyarakatnya dalam strategi pengurusan sumber dan pemuliharaan (seperti yang dibangunkan di bawah projek-projek yang dibiayai melalui Pelan Tindakan Kemudahan Alam Sekitar Global dan Perhutanan Tropikal) dan bidang program lain dalam Agenda 21, termasuk program-program untuk mengumpul, menganalisa dan menggunakan data dan maklumat lain dalam menyokong projek pembangunan mapan.
- 26.6 Kerajaan, dengan perkongsian penuh dengan penduduk pribumi dan masyarakat mereka, hendaklah, di mana sesuai:
- (a) Membangun atau mengukuhkan susunan kebangsaan untuk berunding dengan penduduk pribumi dan masyarakat mereka dengan tujuan untuk menjelaskan keperluan mereka dan menggabungkan nilai, dan tradisi mereka dan pengetahuan dan amalan lain dalam dasar dan program kebangsaan dalam bidang pengurusan sumber semula jadi dan pemuliharaan dan program pembangunan yang lain yang melibatkan mereka;
  - (b) Bekerjasama di peringkat serantau, di mana sesuai, untuk mengutamakan isu biasa kaum pribumi dengan tujuan mengiktiraf dan mengukuhkan penglibatan mereka dalam pembangunan mapan.

*Kaedah pelaksanaan*

*(a) Pembiayaan dan kos penilaian*

26.7 Urus setia UNICED telah menganggarkan purata jumlah kos tahunan (1993 - 2000) bagi melaksanakan aktiviti program ini ialah kira-kira \$3 juta daripada masyarakat antarabangsa dalam bentuk geran atau syarat konsesi. Ini adalah anggaran indikatif dan turutan magnitud sahaja dan belum pernah dikaji oleh kerajaan. Kos sebenar dan persetujuan pembiayaan, termasuk yang bukan berkonsesi, akan bergantung, antara lain, kepada strategi dan program khusus yang ditetapkan oleh kerajaan pelaksanaannya.

*(b) Rangka kerja perundangan dan pentadbiran*

26.8 Kerajaan hendaklah menggabungkan, dengan pakatan bersama penduduk pribumi yang terlibat, hak dan tanggungjawab penduduk pribumi dan masyarakat mereka dalam undang-undang setiap negara, sesuai dengan situasi negara tersebut. Negara membangun mungkin memerlukan bantuan teknikal untuk melaksanakan aktiviti ini.

(c) *Pembangunan sumber manusia*

- 26.9 Agensi-agensi pembangunan antarabangsa dan kerajaan hendaklah memberikan komitmen kewangan dan sumber lain kepada pendidikan dan latihan untuk penduduk pribumi dan masyarakat mereka bagi membina keupayaan untuk mencapai pembangunan diri yang mapan, dan untuk menyumbang dan melibatkan diri dalam pembangunan mapan dan adil di peringkat kebangsaan. Perhatian khas hendaklah diberi kepada memperkukuhkan peranan wanita pribumi.



## **BAB 27**

### **MEMPERKUKUHKAN PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN: PERKONGSIAN UNTUK PEMBANGUNAN MAPAN**



**MEMPERKUKUHKAN PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN :  
PERKONGSIAN UNTUK PEMBANGUNAN MAPAN**

***BIDANG PROGRAM***

*Asas untuk bertindak*

- 27.1 Pertubuhan bukan kerajaan memainkan peranan penting dalam membentuk dan melaksanakan demokrasi secara penglibatan. Kewibawaan mereka terletak dalam tanggungjawab dan peranan yang membina yang dimainkan dalam masyarakat. Pertubuhan formal dan tidak formal, termasuk juga pergerakan biasa, hendaklah diiktiraf sebagai rakan kongsi dalam pelaksanaan Agenda 21. Sifat-sifat peranan bebas yang dimainkan oleh pertubuhan bukan kerajaan di kalangan masyarakat menyeru kepada penglibatan sebenar; oleh kerana itu, saling bergantung adalah sifat utama pertubuhan bukan kerajaan dan adalah syarat awal penglibatan sebenar.
- 27.2 Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat dunia ketika cuba menggantikan corak pembangunan yang tidak mapan dengan pembangunan yang sesuai mengikut kehendak alam sekitar dan mapan ialah keperluan untuk menggiatkan kesedaran tentang tujuan yang sama bagi pihak semua sektor masyarakat. Peluang untuk menerapkan kesedaran tersebut bergantung kepada kesediaan semua sektor untuk melibatkan diri dalam perkongsian sosial dan atas keikhlasan, sementara mengiktiraf peranan bebas, tanggungjawab dan keupayaan khas setiap daripadanya.
- 27.3 Pertubuhan bukan kerajaan, termasuk pertubuhan yang bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kumpulan yang diutamakan dalam Agenda 21, mewakili pengalaman, kemahiran dan keupayaan yang mantap dan pelbagai dalam bidang yang diperlukan dalam pelaksanaan dan kajian pembangunan mapan yang sesuai mengikut kehendak alam sekitar dan bertanggungjawab sosial, seperti yang dinyatakan dalam Agenda 21, masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan, dengan ini, menawarkan rangkaian sedunia yang perlu digerak dan diperkukuhkan sebagai sokongan ke atas usaha-usaha untuk mencapai matlamat tersebut.
- 27.4 Untuk memastikan potensi sumbangan pertubuhan bukan kerajaan dikesan, kemungkinan komunikasi dan kerjasama antara pertubuhan antarabangsa, kebangsaan dan kerajaan tempatan dengan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah dipertingkatkan dalam institusi yang dimandatkan dan program yang dicipta untuk melaksanakan Agenda 21. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan juga perlu meningkatkan kerjasama dan komunikasi sesama sendiri untuk menguatkan keberkesanan sebarang pelakon dalam melaksanakan pembangunan mapan.

Objektif

- 27.5 Masyarakat, kerajaan dan badan-badan antarabangsa hendaklah membangunkan mekanisme untuk membenarkan pertubuhan bukan kerajaan memainkan peranan sebagai rakan kongsi dengan tanggungjawab dan berkesan dalam proses pembangunan yang sesuai mengikut kehendak alam sekitar dan mapan.
- 27.6 Dengan tujuan untuk memperkukuhkan peranan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan kongsi sosial, sistem Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan-kerajaan hendaklah memulakan proses, dengan rundingan bersama pertubuhan bukan kerajaan, untuk mengkaji prosedur formal dan mekanisme bagi penglibatan pertubuhan ini di semua peringkat, daripada penggubal dasar dan pembuat keputusan hingga ke pelaksanaan.
- 27.7 Menjelang 1995, dialog secara produktif perlu diwujudkan di peringkat kebangsaan antara semua badan kerajaan dengan organisasi-organisasi bukan kerajaan dan organisasi yang saling berkaitan bagi mengenalpasti dan memperkukuhkan peranan masing-masing dalam mempraktikkan pembangunan yang mapan dan menitik beratkan alam sekitar.
- 27.8 Kerajaan dan badan antarabangsa hendaklah meningkat dan membenarkan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan dalam konsepsi, penubuhan dan penilaian mekanisme rasmi dan prosedur formal yang direka bentuk untuk mengkaji pelaksanaan Agenda 21 di semua peringkat.

Aktiviti

- 27.9 Sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk agensi kewangan dan pembangunan antarabangsa, dan semua pertubuhan antara kerajaan dan forum-forum, hendaklah, dengan rundingan bersama pertubuhan bukan kerajaan, mengambil langkah untuk:
- (a) Mengkaji dan melaporkan cara untuk mempertingkatkan prosedur dan mekanisme yang sedia ada di mana pertubuhan bukan kerajaan menyumbang kepada penggubalan dasar, membuat keputusan, pelaksanaan dan penilaian di peringkat agensi individu, dalam perbincangan antara agensi dengan persidangan-persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu;
  - (b) Berdasarkan sub-perenggan (a) di atas, meningkatkan yang sedia ada atau, di mana ianya tidak wujud, menubuh, mekanisme dan prosedur di kalangan setiap agensi untuk menarik kemahiran dan pandangan pertubuhan bukan kerajaan dalam penggubalan dasar dan program, pelaksanaan dan penilaian;
  - (c) Mengkaji tahap sokongan kewangan dan pentadbiran untuk pertubuhan bukan kerajaan dan had dan keberkesanan penglibatan mereka dalam pelaksanaan projek dan program, dengan tujuan untuk meluaskan

peranan mereka sebagai rakan kongsi sosial;

- (d) Mereka bentuk kaedah yang terbuka dan berkesan untuk mencapai penglibatan pertubuhan bukan kerajaan dalam proses yang dibentuk untuk mengkaji dan menilai pelaksanaan Agenda 21 di semua peringkat;
- (e) Meningkatkan dan membenarkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan rangkaian yang ditubuhkan sendiri untuk menyumbang kepada kajian dan penilaian dasar dan program yang direka bentuk untuk melaksana Agenda 21, termasuk sokongan untuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di negara membangun dan rangkaian yang ditubuh sendiri oleh mereka;
- (f) Mengambil kira rumusan yang diperolehi daripada sistem kajian bukan kerajaan dan proses penilaian dalam laporan berkaitan Setiausaha Agung kepada Perhimpunan Agung, dan semua pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dan pertubuhan antara kerajaan lain dan forum-forum berkaitan dengan pelaksanaan Agenda 21, mengikut proses kajian Agenda 21;
- (g) Menyediakan perolehan kepada pertubuhan bukan kerajaan kepada maklumat data yang tepat dan cepat untuk meningkatkan keberkesanan program dan aktiviti mereka dan peranan mereka dalam menyokong pembangunan mapan.

27.10 Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk:

- (a) Menubuh atau meningkatkan dialog sedia ada dengan pertubuhan bukan kerajaan dan rangkaian yang ditubuhkan sendiri yang mewakili berbagai sektor yang sesuai untuk:
  - (i) Mempertimbangkan hak dan tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan ini;
  - (ii) Menyalurkan input bukan kerajaan yang bersepadu dengan berkesan kepada proses pembangunan dasar kerajaan;
  - (iii) Memudahkan penyelarasan bukan kerajaan dalam melaksanakan dasar kerajaan di peringkat program;
- (b) Menggalakkan dan membolehkan perkongsian dan dialog antara pertubuhan bukan kerajaan tempatan dengan pihak berkuasa tempatan dalam aktiviti yang ditujukan kepada pembangunan tempatan;
- (c) Melibatkan pertubuhan bukan kerajaan dalam mekanisme kebangsaan atau prosedur yang dibentuk untuk menjalankan Agenda 21, menggunakan dengan sebaik-baiknya keupayaan, terutamanya dalam bidang pendidikan, peringanan kemiskinan, dan perlindungan dan

pemulihan alam sekitar;

- (d) Mengambil kira hasil pengawasan bukan kerajaan dan mekanisme kajian dalam reka bentuk dan penilaian dasar berkaitan pelaksanaan Agenda 21 di semua peringkat;
- (e) Memudahkan perolehan data dan maklumat yang perlu kepada pertubuhan bukan kerajaan agar dapat menyumbang dengan berkesan kepada penyelidikan dan mereka bentuk, pelaksanaan dan penilaian program.

*Kaedah pelaksanaan*

(a) *Pembiayaan dan penilaian kos*

27.11 Dengan bergantung kepada hasil proses kajian dan evolusi pendapat mengenai cara terbaik untuk membina perkongsian dan dialog antara pertubuhan rasmi dan kumpulan pertubuhan bukan kerajaan, kos yang terhad akan terlibat di peringkat antarabangsa dan kebangsaan dalam meningkatkan prosedur dan mekanisme rundingan. Pertubuhan bukan kerajaan juga memerlukan pembiayaan tambahan untuk menyokong penubuhan, pembaikan atau sumbangan kepada sistem pengawasan Agenda 21. Kos ini adalah ketara tetapi tidak boleh dianggarkan berdasarkan maklumat sedia ada.

(b) *Pembinaan keupayaan*

27.12 Pertubuhan sistem Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan antara kerajaan lain dan forum, program dua hala dan sektor swasta, sebagaimana sesuai, perlu untuk memperuntukkan peningkatan sokongan kewangan dan pentadbiran untuk pertubuhan bukan kerajaan dan rangkaian yang ditubuhkan sendiri, khususnya yang bertempat di negara membangun, menyumbang kepada pengawasan dan penilaian program Agenda 21, dan menyediakan latihan untuk pertubuhan bukan kerajaan (dan membantu mereka untuk membangun program latihan sendiri) di peringkat antarabangsa dan serantau bagi meningkatkan peranan perkongsian dalam reka bentuk dan pelaksanaan program.

27.13 Kerajaan perlu mengumumkan kepada orang awam atau mengukuhkan, tertakluk kepada keadaan khusus sesebuah negara, langkah-langkah perundangan yang perlu untuk membolehkan penubuhan oleh kumpulan perunding pertubuhan bukan kerajaan dan untuk memastikan hak pertubuhan bukan kerajaan untuk melindungi kepentingan awam melalui tindakan undang-undang.

## **BAB 28**

# **USAHA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM MENYOKONG AGENDA 21**



## USAHA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM MENYOKONG AGENDA 21

### **BAHAGIAN PROGRAM**

#### Asas untuk bertindak

- 28.1 Oleh kerana banyak dari masalah dan penyelesaian yang diutarakan oleh Agenda 21 mempunyai akar umbi dalam aktiviti tempatan, penglibatan dan kerjasama pihak berkuasa tempatan menjadi faktor penentu dalam memenuhi pencapaian objektif. Pihak berkuasa tempatan membina, memproses dan mewujudkan polisi dan peraturan alam sekitar tempatan dan membantu melaksanakan polisi alam sekitar di peringkat negara separa kebangsaan dan kebangsaan. Memandangkan pihak berkuasa tempatan adalah peringkat kerajaan yang terdekat dengan orang ramai, mereka memainkan peranan yang penting dalam mendidik, menggerakkan dan memaklumbalas kepada orang awam untuk menggalakkan pembangunan mapan.

#### Objektif

- 28.2 Objektif-objektif berikut dicadangkan bagi bahagian program ini:
- (a) Menjelang tahun 1996, kebanyakan pihak berkuasa tempatan dalam setiap negeri harus telah melaksanakan satu proses rundingan dengan penduduk tempatan dan mencapai persetujuan mengenai "Agenda 21 tempatan" untuk komuniti berkenaan;
  - (b) Menjelang tahun 1993, komuniti antarabangsa harus telah memulakan satu proses perundingan yang bertujuan untuk mengeratkan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan;
  - (c) Menjelang tahun 1994, wakil persatuan perbandaran dan pihak berkuasa tempatan lain harus telah meningkatkan tahap kerjasama dan penyelarasan dengan sasaran meningkatkan lagi pertukaran maklumat dan pengalaman di antara pihak berkuasa tempatan;
  - (d) Semua pihak berkuasa tempatan dalam setiap negeri harus digalakkan untuk melaksanakan dan mengawasi program yang bertujuan untuk memastikan bahawa wanita dan belia diwakili dalam membuat keputusan, perancangan dan proses pelaksanaan.

#### Aktiviti

- 28.3 Setiap penguasa tempatan harus mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk, persatuan tempatan dan syarikat swasta dan menerima pakai "Agenda 21 tempatan". Melalui perundingan dan peningkatan persetujuan ramai, pihak berkuasa tempatan dapat mempelajari dari orang awam dan

penduduk tempatan, persatuan sivik, komuniti, peniaga dan industri dan memperolehi maklumat yang diperlukan dalam menggubal strategi yang terbaik. Proses rundingan akan meningkatkan kesedaran orang ramai dalam isu-isu pembangunan mapan. Program pihak berkuasa tempatan, polisi, undang-undang dan peraturan untuk mencapai objektif Agenda 21 akan dinilai dan diubahsuai berdasarkan program tempatan yang diterima pakai. Strategi boleh juga digunakan dalam menyokong cadangan untuk pembiayaan tempatan, negara, serantau dan antarabangsa.

28.4 Rakan usahasama harus dipereratkan di antara organisasi seperti UNDP, the United Nations Centre for Human Settlements (Habitat) dan UNEP, World Bank, regional banks, the International Union of Local Authorities, Summit of Great Cities of the World, the United Towns Organization dan rakan sama lain yang berkaitan dengan pandangan untuk menggerakkan peningkatan sokongan antarabangsa untuk program pihak berkuasa tempatan. Satu sasaran penting adalah untuk menyokong, menambahkan dan memperbaiki institusi sedia ada yang terlibat dalam bidang peningkatan keupayaan pihak berkuasa tempatan dan pengurusan alam sekitar tempatan. Untuk tujuan tersebut:

- (a) 'Habitat' dan anggota serta pertubuhan bagi sistem Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dipanggil untuk mengukuhkan perkhidmatan dalam mengumpul maklumat mengenai strategi pihak berkuasa tempatan khususnya bagi mereka yang memerlukan sokongan antarabangsa;
- (b) Perundingan bekalan yang melibatkan kedua-dua rakan sama antarabangsa dan negara membangun boleh mengulangkaji strategi dan menimbangkan bagaimana sokongan antarabangsa sedemikian boleh digerakkan dengan sebaik mungkin. Perundingan sektor sedemikian akan membantu sejajar dengan perundingan tertumpu negara seperti yang sedang berjalan di dalam kumpulan perunding dan perbincangan meja bulat.

28.5 Wakil-wakil persatuan pihak berkuasa tempatan digalakkan untuk mewujudkan proses untuk meningkatkan pertukaran maklumat, pengalaman dan bantuan teknik yang dipersetujui di antara pihak berkuasa tempatan.

#### Kaedah pelaksanaan

(a) *Penilaian kos dan kewangan*

28.6 Adalah disarankan bahawa semua pihak menilai semula keperluan pembiayaan dalam bidang ini. Urus setia UNCED telah menganggarkan purata jumlah kos tahunan (1993-2000) bagi memperkukuhkan perkhidmatan urus setia antarabangsa bagi melaksanakan aktiviti dalam bab ini ialah kira-kira \$1 juta dalam bentuk geran atau syarat konsesi. Ini hanyalah anggaran indikatif dan turutan magnitud sahaja dan belum dikaji oleh Kerajaan.

*(b) Pembangunan sumber manusia dan pembinaan kapasiti*

28.7 Program ini harus membantu pembinaan kapasiti dan aktiviti latihan yang telahpun terkandung dalam bab-bab lain Agenda 21.



## **BAB 29**

# **MEMPERKUKUHKAN PERANAN PEKERJA DAN KESATUAN SEKERJA**



**MEMPERKUKUHKAN PERANAN PEKERJA  
DAN KESATUAN SEKERJA**

***BIDANG PROGRAM***

Asas untuk bertindak

- 29.1 Usaha untuk melaksanakan pembangunan mapan akan melibatkan pelarasan dan peluang di peringkat kebangsaan dan perusahaan, dengan para pekerja antara yang terlibat. Kesatuan sekerja, sebagai wakil mereka, merupakan pelakon penting dalam memudahkan pencapaian pembangunan mapan memandangkan pengalaman mereka dalam menghadapi perubahan industri, keutamaan yang tinggi yang diberi dalam melindungi persekitaran tempat kerja dan alam semula jadi yang berkaitan, dan peningkatan pembangunan yang bertanggungjawab sosial dan ekonomi. Rangkaian kerjasama yang sedia ada sesama peratuan sekerja dan ahli yang ramai menyediakan saluran penting bagi menyokong konsep dan amalan pembangunan mapan. Prinsip tripartisme yang kukuh memberikan asas untuk mengukuhkan kerjasama antara pekerja dengan wakil mereka, kerajaan dan majikan dalam melaksanakan pembangunan mapan.

Objektif

- 29.2 Objektif keseluruhannya ialah untuk mengurangkan kemiskinan dan menyediakan pekerjaan yang sepenuhnya serta mapan, yang menyumbang kepada persekitaran yang selamat, bersih dan sihat - persekitaran perkerjaan, persekitaran masyarakat dan persekitaran fizikal. Pekerja hendaklah peserta sepenuhnya dalam pelaksanaan dan penilaian aktiviti berkaitan Agenda 21.
- 29.3 Objektif berikut dicadangkan untuk dilaksanakan menjelang tahun 2000:
- (a) Untuk meningkatkan pengesahan konvensyen berkaitan ILO dan pengwartaan undang-undang yang menyokong konvensyen tersebut;
  - (b) Untuk menubuhkan mekanisme bipartite dan tripartite mengenai keselamatan, kesihatan dan pembangunan mapan;
  - (c) Untuk menambahkan bilangan perjanjian kolektif alam sekitar yang bertujuan mencapai pembangunan mapan;
  - (d) Untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja, kecederaan dan penyakit menurut prosedur laporan statistik yang diiktiraf;
  - (e) Untuk meningkatkan peruntukan pendidikan, latihan dan latihan semula para pekerja, khasnya dalam bidang kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan alam sekitar.

Aktiviti

(a) *Meningkatkan kebebasan berpersatuan*

29.4 Untuk pekerja dan persatuan mereka memainkan peranan yang sepenuhnya serta bermaklumat bagi menyokong pembangunan mapan, kerajaan dan majikan hendaklah meningkatkan hak kebebasan pekerja individu untuk berpersatuan dan melindungi hak untuk menubuhkannya seperti yang dinyatakan dalam konvensyen ILO. Kerajaan hendaklah mempertimbangkan untuk mengesah dan melaksanakan konvensyen tersebut, jika belum berbuat demikian.

(b) *Memperkukuhkan penglibatan dan rundingan*

29.5 Kerajaan, perniagaan dan industri hendaklah meningkatkan penglibatan aktif para pekerja dan kesatuan sekerja dalam keputusan mengenai reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian dasar dan program kebangsaan dan antarabangsa mengenai alam sekitar dan pembangunan, termasuk dasar pekerjaan, strategi perindustrian, program pelarasan buruh dan pemindahan teknologi.

29.6 Kesatuan sekerja, majikan dan kerajaan hendaklah bekerjasama untuk memastikan konsep pembangunan mapan dilaksanakan secara adil.

29.7 Mekanisme gabungan (majikan/pekerja) atau tripartite (majikan/pekerja/ kerajaan) di peringkat tempat kerja, masyarakat dan kebangsaan hendaklah ditubuhkan untuk mengendali keselamatan, kesihatan dan alam sekitar, termasuk rujukan khas kepada hak dan status wanita di tempat kerja.

29.8 Kerajaan dan majikan hendaklah memastikan pekerja dan wakil mereka diberi segala maklumat yang berkaitan untuk membolehkan penglibatan yang berkesan dalam proses membuat keputusan.

29.9 Kerajaan dan para majikan hendaklah terus mentakrif, membangun dan meningkatkan dasar mengenai segala aspek pembangunan mapan.

29.10 Kesatuan sekerja dan majikan hendaklah membentuk rangkakerja bagi gabungan dasar alam sekitar, dan menetapkan keutamaan untuk memperbaiki persekitaran pekerjaan dan keseluruhan prestasi persekitaran perusahaan.

29.11 Kesatuan sekerja hendaklah:

(a) Berusaha untuk memastikan pekerja dapat melibatkan diri dalam audit alam sekitar di tempat kerja dan dalam penilaian kesan-kesan alam sekitar;

(b) Melibatkan diri dalam aktiviti alam sekitar dan pembangunan di kalangan masyarakat setempat dan meningkatkan tindakan bersama ke atas masalah bersama yang mungkin timbul;

- (c) Memainkan peranan penting dalam aktiviti pembangunan mapan pertubuhan antarabangsa dan serantau, khususnya sistem Bangsa-Bangsa Bersatu.

(c) *Menyediakan latihan yang mencukupi*

29.12 Pekerja dan wakil mereka hendaklah mendapat kemudahan latihan yang lengkap untuk menambah kesedaran alam sekitar, memastikan keselamatan dan kesihatan, dan memperbaiki kebajikan ekonomi dan sosial mereka. Latihan tersebut hendaklah memastikan kemahiran yang perlu tersedia ada untuk meningkatkan kehidupan mapan dan memperbaiki persekitaran pekerjaan. Kesatuan sekerja, majikan, kerajaan dan agensi antarabangsa hendaklah bekerjasama dalam menilai keperluan latihan dalam lingkungan aktiviti. Pekerja dan wakil mereka hendaklah terlibat dalam mereka bentuk dan pelaksanaan program latihan pekerja yang dijalankan oleh majikan dan kerajaan.

Kaedah pelaksanaan

(a) *Pembiayaan dan penilaian kos*

29.13 Urus setia UNCED telah menganggarkan purata jumlah kos tahunan (1993 - 2000) bagi melaksana aktiviti dalam bab ini ialah kira-kira \$300 juta daripada masyarakat antarabangsa dalam bentuk geran dan syarat konsesi. Ini adalah anggaran indikatif dan turutan magnitud sahaja dan belum pernah dikaji oleh kerajaan. Kos sebenar, bergantung kepada, antara lain, strategi dan program khusus yang ditetapkan oleh kerajaan pelaksanaannya.

(b) *Pembinaan keupayaan*

29.14 Perhatian khas hendaklah diberi untuk memperkukuhkan keupayaan setiap rakan kongsi tripartite (kerajaan dan pertubuhan pekerja dan majikan) untuk memudahkan kerjasama yang lebih erat ke arah pembangunan mapan.

.....



## **BAB 30**

# **MEMPERKUKUHKAN PERANAN PERNIAGAAN DAN INDUSTRI**



## MEMPERKUKUHKAN PERANAN PERNIAGAAN DAN INDUSTRI

### *Pengenalan*

- 30.1 Perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional, memainkan peranan yang penting dalam sosial dan pembangunan ekonomi dalam sebuah negara. Polisi regim yang stabil membolehkan dan menggalakkan perniagaan dan industri untuk bertanggungjawab secara berkesan dan untuk melaksanakan dasar jangka panjang. Peningkatan kemakmuran adalah matlamat utama dalam proses pembangunan dan sumbangan utama kepada aktiviti perniagaan dan industri. Usahawan perniagaan, besar dan kecil, formal dan bukan formal menyediakan perdagangan utama, pekerjaan dan peluang mata pencarian. Peluang perniagaan sedia ada kepada wanita yang menyumbang ke arah pembangunan profesionalisma, mengukuhkan peranan ekonomi dan perubahan sistem sosial. Perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional, dan wakil pertubuhan hendaklah mengambil bahagian sepenuhnya dalam pelaksanaan dan penilaian aktiviti yang berkaitan dengan Agenda 21.
- 30.2 Melalui proses pengeluaran yang lebih cekap, strategi pencegahan, pengeluaran teknologi bersih dan prosidur melalui pusingan hidup keluaran, mengurang atau menghindarkan sisa, polisi dan operasi dalam perniagaan dan industri, termasuk transkorporat boleh memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan kesan kepada penggunaan sumber dan alam sekitar. Inovasi teknologi, pembangunan, applikasi, pemindahan dan aspek menyeluruh dan kerjasama.
- 30.3 Perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional mesti menyedari bahawa pengurusan alam sekitar adalah merupakan keutamaan dalam korporat dan adalah kunci penentu pembangunan mapan. Kebanyakan pemimpin usahawan telah melaksanakan tanggungjawab menjaga dasar dan program keluaran, mengwujudkan sifat terbuka dan dialog dengan pekerja dan orang awam dan menjalankan audit alam sekitar dan penilaian pematuhan. Pemimpin perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional telah meningkatkan inisiatif sukarela dalam menggalakkan dan melaksanakan perundangan dan tanggungjawab yang besar dalam memastikan aktiviti yang dijalankan mempunyai kesan yang minima ke atas kesihatan manusia dan alam sekitar. Regim perundangan yang diperkenalkan dalam kebanyakan negara dan kesedaran yang ketara dari pengguna dan orang awam, pemimpin utama perniagaan dan industri termasuk korporat transnasional telah menyumbang ke arah ini. Sumbangan positif oleh pihak perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional kepada pembangunan mapan boleh dipertingkatkan dan dicapai dengan menggunakan instrumen ekonomi seperti mekanisme pasaran bebas di mana harga barangan dan perkhidmatan mesti mencerminkan kos alam sekitar dari segi input, pengeluaran, penggunaan, guna semula dan pelupusan bergantung kepada syarat khusus sesebuah negara.

- 30.4 Peningkatan sistem keluaran melalui teknologi dan proses yang menggunakan sumber yang lebih cekap dan dalam masa yang sama mengeluarkan kurang sisa - mencapai lebih dengan kurang - adalah laluan yang penting ke arah berterusan untuk perniagaan dan industri. Di samping itu, memberi kemudahan dan menggalakkan insentif, saingan dan daya usaha sukarela adalah asas untuk mengwujudkan pilihan kepelbagaian yang cekap dan berkesan. Untuk melaksanakan keperluan utama ini dan mengukuhkan seterusnya peranan perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional, berikut adalah dua program yang dicadangkan.

### ***BIDANG PROGRAM***

#### **A. Menggalakkan keluaran bersih**

##### Asas untuk bertindak

- 30.5 Kesedaran kian bertambah bahawa pengeluaran, teknologi dan pengurusan yang menggunakan sumber tidak cekap menghasilkan sesuatu yang tidak boleh diguna semula, mengeluarkan sisa yang mempunyai kesan ketara ke atas kesihatan manusia dan alam sekitar dan keluaran yang boleh digunakan akan memberi kesan seterusnya dan sukar diguna semula, perlu ditukarkan dengan teknologi, kejuruteraan yang baik dan amalan pengurusan dan pengetahuan yang boleh mengurangkan sisa melalui kitaran hidup keluaran. Konsep pengeluaran bersih melibatkan hasrat untuk kecekapan yang optima di setiap peringkat kitaran hidup keluaran. Hasil ini akan meningkatkan persaingan keseluruhan sesebuah usahawan. Ini memerlukan peralihan ke arah dasar keluaran bersih yang diiktiraf di Persidangan Menteri mengenai Ekologi Mapan Pembangunan Industri yang dianjurkan oleh UNIDO, di Copenhagen, Oktober 1991. <sup>1/</sup>

##### Objektif

- 30.6 Kerajaan, perniagaan dan industri, termasuk transnasional korporat mesti mempunyai matlamat utama dalam meningkatkan penggunaan sumber secara cekap, termasuk meningkatkan penggunaan guna semula dan kitar semula sisa dan mengurangkan kuantiti sisa yang dikeluarkan se unit keluaran ekonomi.

##### Aktiviti

- 30.7 Kerajaan, perniagaan dan industri, termasuk transnasional korporat hendaklah mengukuhkan perkongsian perniagaan untuk melaksanakan prinsip dan kriteria untuk pembangunan mapan.
- 30.8 Kerajaan mesti mengenal pasti dan melaksanakan campuran yang sesuai instrumen ekonomi dan langkah yang menentukan standad seperti perundangan, pembentukan undang-undang dan standad, dengan mengadakan rundingan dengan pihak perniagaan dan industri, termasuk korporat

transnasional, yang boleh menggalakkan penggunaan keluaran bersih dengan pertimbangan khusus untuk usahawan bersaiz kecil dan sederhana. Inisiatif secara sukarela oleh pihak swasta hendaklah juga digalakkan.

- 30.9 Kerajaan, perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional, akademia dan pertubuhan antarabangsa mesti bekerja ke arah membangun dan melaksanakan konsep dan kaedah dengan mengambilkira kos alam sekitar dalam mekanisma perakaunan dan harga.
- 30.10 Perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional mesti digalakkan:
- (a) melapor rekod tahunan alam sekitar dan penggunaan tenaga dan sumber semula jadi;
  - (b) menerima pakai dan melapor pelaksanaan kos amalan untuk menggalakkan amalan alam sekitar yang terbaik, seperti Piagam Perniagaan Antarabangsa Dewan Perdagangan Pembangunan Berterusan dan inisiatif tanggungjawab industri kimia.
- 30.11 Kerajaan mesti menggalakkan teknologi dan kerjasama pengetahuan dan cara di antara usahawan, meliputi mengenal pasti, menilai, menyelidik dan membangun, mengurus pemasaran dan applikasi keluaran bersih.
- 30.12 Industri hendaklah memasukkan dasar keluaran bersih ke dalam operasi dan pelaburan, dengan mengambil kira pengaruhnya kepada pembekal dan pengguna.
- 30.13 Persatuan industri dan perniagaan hendaklah bekerjasama dengan pekerja dan kesatuan sekerja untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara mapan dalam melaksanakan operasi pembangunan mapan.
- 30.14 Persatuan industri dan perniagaan mesti menggalakkan syarikat persendirian untuk menjalankan program untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dan tanggungjawab disemua peringkat untuk membolehkan usahawan berdedikasi dalam melaksanakan tugas meningkatkan pencapaian alam sekitar berdasarkan kepada amalan pengurusan antarabangsa yang telah diterima.
- 30.15 Pertubuhan antarabangsa hendaklah meningkatkan pendidikan, latihan dan aktiviti mengenai kesedaran yang berkaitan dengan keluaran bersih dan kerjasama daripada pihak industri, akademik dan pihak berkuasa kebangsaan dan tempatan yang berkaitan.
- 30.16 Pertubuhan antarabangsa dan bukan kerajaan, termasuk persatuan perdagangan dan saintifik hendaklah mengukuhkan penyebaran alam sekitar mengenai keluaran bersih negara mengembangkan pengkalan data sedia ada seperti UNEP, Keluaran Bersih 'Clearing House' Antarabangsa (ICPIC), Bank Maklumat UNIDO mengenai Industri dan Teknologi (INTIB) dan ICC/IEB dan membentuk rangkaian sistem maklumat kebangsaan dan antarabangsa.

## **B. Menggalakan usahawan bertanggungjawab**

### Asas untuk bertindak

30.17 Pengusahawan ialah salah satu elemen yang penting dalam menggerakkan inovasi, meningkatkan pasaran yang cekap dan bertindak balas kepada cabaran dan peluang. Usahawan saiz kecil dan sederhana, khususnya memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Selalunya, mereka ini adalah cara utama pembangunan luar bandar, meningkat kepekaan luar ladang dan menyediakan cara peralihan untuk meningkatkan kehidupan kaum wanita. Usahawan yang bertanggungjawab boleh memainkan peranan secara cekap, mengurangkan risiko dan bahaya, meminimumkan sisa dan menyelamatkan kualiti alam sekitar.

### Objektif

30.18 Objektif berikut dicadangkan:

- (a) Menggalakkan konsep 'stewardship' dalam pengurusan dan penggunaan sumber semulajadi oleh usahawan;
- (b) Meningkatkan bilangan usahawan yang menyumbang kepada dan melaksana polisi pembangunan mapan.

30.19 Kerajaan hendaklah menggalakkan pengwujudan dan operasi pengurusan usahawan yang mapan. Penggabungan ini termasuk langkah perundangan, insentif ekonomi dan mengemas kini prosidur pentadbiran untuk memastikan kecekapan dalam mengendalikan permohonan untuk kelulusan dalam memberi kemudahan membuat keputusan pelaburan, nasihat dan bantuan dengan maklumat, sokongan infrastruktur dan tanggungjawab 'stewardship'.

30.20 Kerajaan hendaklah menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta, pengwujudan tabung gabungan modal untuk projek dan program pembangunan mapan.

30.21 Dengan kerjasama pihak perniagaan, industri, akademik dan pertubuhan antarabangsa, Kerajaan hendaklah menyokong latihan dalam aspek alam sekitar untuk pengurusan usahawan. Perhatian hendaklah diberi kepada skim perantis untuk belia.

30.22 Perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional hendaklah digalakkan untuk mewujudkan korporat polisi dunia pembangunan mapan, menyusun teknologi alam sekitar yang diberikan kepada pemilik gabungan oleh syarikat induk dalam negara sedang membangun tanpa lebih kos luaran, menggalakkan gabungan antarabangsa mengubahsuai prosidur dalam menggambarkan keadaan ekologi tempatan dan berkongsi pengalaman dengan pihak berkuasa tempatan, kerajaan dan pertubuhan antarabangsa.

- 30.23 Perniagaan besar dan industri, termasuk korporat transnasional, mesti mengambil kira mewujudkan skim perkongsian perniagaan dengan usahawan bersaiz kecil dan sederhana untuk memberi kemudahan kepada pertukaran pengalaman dalam kemahiran pengurus, pembangunan pasaran dan pengetahuan teknologi, di mana sesuai, dengan mendapat bantuan dari pertubuhan antarabangsa.
- 30.24 Perniagaan dan industri hendaklah mewujudkan lembaga kebangsaan untuk pembangunan mapan dan membantu menggalakkan pengusahawan dalam sektor formal dan bukan formal. Penglibatan usahawan wanita mesti dipermudahkan.
- 30.25 Perniagaan dan insdustri, termasuk korporat transnasional hendaklah meningkatkan penyelidikan dan pembangunan teknologi alam sekitar dan sistem pengurusan alam sekitar, dengan kerjasama dari pihak akademik dan persatuan saintifik/kejuruteraan dengan mengambilkira pengetahuan asli, dimana sesuai.
- 30.26 Perniagaan dan industri, termasuk korporat transnasional hendaklah memastikan tanggungjawab dan pengurusan etika keluaran dan proses dari aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. Oleh yang demikian, perniagaan dan industri hendaklah meningkatkan peraturan sendiri, dipandu oleh kod yang sesuai, piagam dan inisiatif dengan mengintegrasikan ke dalam semua elemen perancangan perniagaan dan pembuat keputusan, dengan memupuk sifat terbuka dan dialog dengan pekerja dan orang awam.
- 30.27 Institusi bantuan kewangan pelbagai hala dan dua hala hendaklah diteruskan untuk menggalak dan menyokong usahawan bersaiz kecil dan sederhana melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan mapan.
- 30.28 Pertubuhan badan antarabangsa dan agensi hendaklah meningkatkan mekanisme untuk input perniagaan dan industri, proses penggubalan dasar dan strategi untuk memastikan aspek alam sekitar diperkukuhkan dalam pelaburan luar.
- 30.29 Pertubuhan antarabangsa hendaklah meningkatkan sokongan untuk penyelidikan dan pembangunan dalam memperbaiki keperluan teknologi dan pengurusan bagi pembangunan mapan, terutamanya untuk usahawan bersaiz kecil dan sederhana dalam negara yang sedang membangun.

Kaedah pelaksanaan

*Penilaian kos dan pembiayaan*

- 30.30 Aktiviti yang termasuk dalam bidang program ini kebanyakannya adalah perubahan dalam orientasi aktiviti sedia ada dan kos tambahan adalah dijangka tidak ketara. Kos aktiviti oleh kerajaan dan pertubuhan antarabangsa telah dimasukkan ke dalam bidang program yang lain.



## **BAB 31**

# **MASYARAKAT SAINTIFIK DAN TEKNOLOGI**



## MASYARAKAT SAINTIFIK DAN TEKNOLOGI

### *PENGENALAN*

- 31.1 Bab ini memberi tumpuan tentang bagaimana komuniti saintifik dan teknologi termasuk antara lain jurutera, arkitek, pereka industri, perancang bandar dan lain profesional dan pembuat keputusan membuat sumbangan yang lebih terbuka dan berkesan kepada proses membuat keputusan mengenai alam sekitar dan pembangunan. Adalah penting peranan sains dan teknologi dalam hubungan manusia diketahui meluas dan difahami dengan baik oleh pembuat keputusan, yang membantu membuat dasar awam, dan orang awam. Hubungan kerjasama sedia ada di antara masyarakat saintifik dan teknologi dan orang awam mesti dikembangkan kepada perkongsian sepenuhnya. Komunikasi yang diperbaiki dan kerjasama di antara masyarakat saintifik dan teknologi dan pembuat keputusan akan memudahkan penggunaan sepenuhnya maklumat saintifik dan teknologi serta pengetahuan dalam melaksanakan dasar dan program. Pembuat keputusan dan meningkatkan latihan dan penyelidikan sendiri dalam pembangunan yang mampan. Pendekatan pelbagai disiplin yang sedia ada perlu diperkukuhkan dan lebih banyak pengajian antara disiplin dibangunkan diantara masyarakat saintifik dan teknologi serta pembuat keputusan dan orang awam untuk menyediakan kepimpinan dan pengetahuan praktikal dalam konsep pembangunan berketahanan. Orang awam mesti dibantu dalam komunikasi sentimen kepada komuniti saintifik dan teknologi mengenai bagaimana sains dan teknologi diurus dengan baik untuk mempengaruhi kehidupan dengan cara yang berfaedah.

Dalam pada ini, masyarakat saintifik dan teknologi diberi keyakinan bahawa mereka bebas untuk menyiasat dan mencetus tanpa had dan menukar penemuan mereka. Menerima pakai dan pelaksanaan prinsip etika dan kod amalan untuk komuniti saintifik dan teknologi yang diterima oleh pihak antarabangsa boleh meningkatkan profesionalisme dan boleh meningkatkan dan mempercepatkan pengiktirafan nilai sumbangan kepada alam sekitar dan pembangunan, menyedari evolusi berterusan dan tidak kepastian dalam pengetahuan saintifik.

### *BIDANG PROGRAM*

- A. Meningkatkan komunikasi dan kerjasama diantara masyarakat saintifik dan teknologi dan pembuat keputusan dan orang awam**

#### Asas untuk bertindak

- 31.2 Masyarakat saintifik dan teknologi dan pembuat dasar mesti mempertingkatkan interaksi dalam melaksanakan strategi untuk pembangunan mampan dalam asas pengetahuan berbalik yang sedia ada. Ini bermakna pembuat keputusan mesti menyediakan rangka kerja penyelidikan yang kuat dan komunikasi penemuan yang penuh dan terbuka masyarakat saintifik dan masyarakat membangun

cara tersendiri di mana keputusan menyelidiki dan perhatian dari penemuan tersebut boleh dikomunikasi kepada badan pembuat keputusan dalam menghubungkan kait dengan baik pengetahuan saintifik dan teknikal dengan penggubalan dasar dan program strategik. Dalam pada masa yang sama, dialog ini dapat membantu masyarakat saintifik dan teknologi dalam mewujudkan keutamaan untuk penyelidikan dan tindakan untuk penyelesaian yang membina.

### Objektif

31.3 Berikut adalah objektif yang dicadangkan:

- (a) Memanjangkan dan membuka proses pembuat keputusan dan meluaskan julat pembangunan dan isu alam sekitar dimana kerjasama disemua peringkat diantara masyarakat saintifik dan teknologi dan pembuat keputusan boleh mengambil tempat;
- (b) Mempertingkatkan pertukaran maklumat dan perhatian di antara masyarakat saintifik dan teknologi dan orang awam dalam membolehkan dasar dan program digubal dengan baik, difahami dan disokong.

### Aktiviti

31.4 Kerajaan mesti melaksanakan aktiviti berikut:

- (a) Mengkaji semula bagaimana aktiviti kebangsaan sains dan teknologi boleh bertindak balas kepada keperluan pembangunan mapan sebagai sebahagian keseluruhan usaha untuk mengukuhkan sistem penyelidikan dan pembangunan kebangsaan melalui pengukuhan dan pengluasan ahli lembaga saintifik dan teknologi kebangsaan, organisasi dan jawatankuasa untuk memastikan bahawa:
  - (i) Keperluan kebangsaan menyeluruh untuk program saintifik dan teknologi dimaklumkan kepada kerajaan dan orang awam;
  - (ii) Pendapat awam dari pelbagai lapisan diwakili;
- (b) Meningkatkan mekanisme kerjasama serantau untuk menanggapi keperluan serantau untuk pembangunan mapan. Mekanisme kerjasama serantau ini boleh dimudahkan melalui perkongsian awam/swasta dan menyediakan sokongan kepada kerajaan, industri dan institusi pendidikan bukan kerajaan dan pertubuhan domestik dan antarabangsa dan mengukuhkan rangkaian dunia profesionalisma;
- (c) Mempertingkatkan dan mengembang input sains dan teknikal melalui mekanisme yang sesuai kepada perundingan antara kerajaan, kerjasama dan proses perundingan ke arah persetujuan antarabangsa dan serantau;

- (d) Memperkukuhkan nasihat sains dan teknologi ke peringkat yang tertinggi di Bangsa Bersatu dan pertubuhan antarabangsa yang lain dalam memastikan kemasukan pengetahuan sains dan teknologi dalam dasar dan strategi pembangunan mapan.
- (e) Meningkatkan dan memperkukuhkan program untuk menyebarkan keputusan penyelidikan Universiti dan pertubuhan penyelidikan. Ini memerlukan pengiktirafan dan sokongan padu kepada saintis, teknologis dan turut yang terlibat dalam komunikasi dan menterjemah maklumat sains dan teknologi kepada pembuat keputusan, profesional dalam bidang lain dan orang awam. Sokongan tersebut boleh ditumpukan kepada pemindahan kemahiran dan pemindahan penyesuaian teknikal perancangan. Ini memerlukan perkongsian data dan maklumat sepenuhnya dan terbuka di antara saintis dan pembuat keputusan. Percetakan laporan saintifik kebangsaan dan teknikal yang mudah difahami adalah penting kepada keperluan pembangunan berterusan tempatan yang boleh diperbaiki dalam 'interface' di antara sains dan pembuat keputusan dan melaksanakan keputusan saintifik;
- (f) Memperbaiki hubungan diantara sektor rasmi dan penyelidikan bebas dan industri supaya penyelidikan menjadi elemen utama strategi industri;
- (g) Meningkatkan dan mengukuh peranan wanita sebagai rakan kongsi sepenuhnya dalam bidang disiplin sains dan teknologi;
- (h) Membangun dan melaksanakan teknologi maklumat untuk meningkatkan sebaran maklumat untuk pembangunan mapan.

*Kaedah pelaksanaan*

*(a) Pembiayaan dan penilaian kos*

31.5 Urus setia persidangan telah menganggarkan purata kos keseluruhan tahun (1993-2000) untuk melaksanakan aktiviti program ini kira-kira \$15 juta dari masyarakat antarabangsa dalam bentuk geran atau syarat konsensi. Ini merupakan anggaran indikatif dan turutan magnitud yang dikaji semulajadi oleh kerajaan. Kos sebenar dan syarat pembiayaan, termasuk yang bukan konsensi akan bergantung kepada antara lain, strategi dan program yang khusus yang ditetapkan pelaksanaannya oleh kerajaan.

*(b) Pembinaan keupayaan*

31.6 Panel antara kerajaan mengenai pembangunan dan isu alam sekitar mesti dianjurkan dengan tumpuan kepada aspek saintifik dan teknikal dan kajian tindak balas dan penyesuaian program tindakan seterusnya.

**B. Menggalakkan kod amalan dan panduan yang berkaitan dengan sains dan teknologi**

*Asas untuk bertindak*

- 31.7 Saintis dan teknologis mempunyai tanggungjawab khusus yang dimiliki sebagai pewaris tradisi dan sebagai profesionalisma dan ahli disiplin yang dedikasi kepada mencari pengetahuan dan keperluan untuk melindungi biosfera dalam konteks pembangunan yang mapan.
- 31.8 Kesedaran etika meningkat dalam alam sekitar dan pembuat keputusan dalam pembangunan mesti membantu untuk meletakkan keutamaan yang sesuai untuk penyelenggaraan dan meningkatkan sistem sokongan hidup untuk kebaikan bersama dan dalam pada begitu memastikan fungsi kemungkinan proses semulajadi benar-benar dinilai oleh masyarakat masa kini dan akan datang. Oleh yang demikian, mengukuhkan kod amalan dan garis panduan untuk masyarakat saintifik dan teknologi akan meningkatkan kesedaran dan menyumbang ke arah pembangunan mapan. Ini akan meningkatkan penghargaan dan pandangan kepada masyarakat saintifik dan teknologi dan memudahkan perakaunan sains dan teknologi.

*Objektif*

- 31.9 Membina, memperbaiki dan menggalakkan penerimaan antarabangsa berhubung kod amalan dan garis panduan yang berkaitan dengan sains dan teknologi yang mana keutuhan sistem sokongan hidup diambil kira sepenuhnya dan peranan utama sains dan teknologi selaras dengan keperluan alam sekitar dan pembangunan diterima. Memastikan proses pembuat keputusan adalah berkesan, bukan sahaja prinsip yang berkenaan, amalan kod dan garis panduan hendaklah dipersetujui.
- 31.10 Aktiviti-Aktiviti berikut perlu dilaksanakan:
- (a) Memperkukuhkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa, termasuk sektor bukan awam, untuk membangunkan kod-kod amalan dan garis panduan-garis panduan mengenai pembangunan yang mapan dan menitikberatkan alam sekitar, dengan mengambilkira Deklarasi Rio dan kod-kod amalan serta garis panduan-garis panduan yang sedia ada;
  - (b) Memperkukuhkan dan menubuhkan kumpulan penasihat kebangsaan mengenai etik alam sekitar dan pembangunan untuk membentuk satu nilai rangkakerja mengenai komuniti saintifik dan teknologi dan masyarakat secara amnya; dan mempromosikan dialog berterusan;
  - (c) Memanjangkan pendidikan dan latihan dalam isu-isu etik pembangunan dan alam sekitar bagi mengintegrasikan objektif-objektif tertentu dalam keutamaan kurikulum pendidikan dan penyelidikan; dan

- (d) Mengulangkaji dan meminda instrumen perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan kebangsaan dan antarabangsa untuk menentukan kod amalan dan garis panduan yang sesuai diambil kira dalam hal ehwal undang-undang.

*Kaedah pelaksanaan*

(a) *Pembiayaan dan kos penilaian*

31.11 Urus setia Persidangan telah menganggarkan purata kos keseluruhan tahun (1993-2000) untuk melaksanakan aktiviti program ini kira-kira \$5 juta dari masyarakat antarabangsa dalam bentuk geran atau syarat konsensi. Ini adalah anggaran indikatif dan turutan magnitud sahaja dan belum dikaji oleh kerajaan. Kos sebenar dan syarat pembiayaan termasuk yang bukan konsensi akan bergantung kepada antara lain, keputusan Kerajaan untuk melaksanakan strategi dan program yang khusus ditetapkan pelaksanaannya oleh kerajaan.

(b) *Pembinaan keupayaan*

31.12 Kod amalan dan garis panduan, termasuk prinsip yang berkaitan mesti diwujudkan untuk dan oleh masyarakat saintifik dan teknologi dalam mengejar aktiviti penyelidikan dan pelaksanaan program bertujuan kearah pembangunan mapan. UNESCO akan mengetuai pelaksanaan aktiviti yang tersebut di atas dengan kerjasama oleh pertubuhan Badan Bersatu yang lain dan pertubuhan di antara kerajaan dan bukan kerajaan.



## **BAB 32**

# **MEMPERKUKUHKAN PERANAN PETANI**



## MEMPERKUKUHKAN PERANAN PETANI

### Pengenalan

- 32.1 Semua rujukan dalam bab ini kepada “petani” dan “perladangan” termasuk semua masyarakat luar bandar yang memperolehi mata pencarian dari aktiviti seperti perladangan, perikanan dan meneroka hutan.

### Bidang Program

#### Asas untuk bertindak

- 32.2 Pertanian merangkumi satu pertiga permukaan tanah bumi dan adalah aktiviti terpenting kebanyakan populasi dunia. Aktiviti luar bandar mengambil tempat yang rapat dengan alam, menambah nilai dengan menghasilkan sumber yang boleh diperbaharui, dan dalam masa yang sama bertambah rapuh kepada eksploitasi berlebihan dan pengurusan yang tidak baik.

- 32.3 Penghuni luar bandar, masyarakat pribumi dan keluarga petani, kebanyakannya adalah wanita telah menjadi ‘steward’ kepada sumber bumi. Petani mesti memulihara alam sekitar fizikal kerana mereka bergantung kepadanya untuk mendapatkan makanan dan minuman yang berzat. Selama dua puluh tahun yang lalu, terdapat pertambahan yang mengagumkan dalam aggregat pengeluaran pertanian. Malahan, dalam sesuatu kawasan, pertambahan ini telah di ‘out stripped’ oleh pertambahan populasi atau hutang antarabangsa atau kejatuhan harga komoditi.

Tambahan pula, sumber semulajadi yang mengekalkan aktiviti perladangan memerlukan penjagaan yang betul dan telah mendapat perhatian tentang sistem pengeluaran pertanian yang berterusan.

- 32.4 Pendekatan pusat petani adalah kunci kepada pencapaian berterusan dalam negara membangun dan sedang membangun dan banyak bidang program dalam Agenda 21 mengutarakan objektif ini. Terdapat bilangan yang ketara dalam populasi luar bandar di negara yang sedang membangun yang bergantung kepada skala kecil, memperolehi mata pencarian yang berorientasi pertanian berasaskan kepada buruh keluarga. Walau bagaimanapun, had mereka terbatas kepada sumber, teknologi mata pencarian alternatif dan kaedah pengeluaran. Oleh yang demikian, mereka terlibat dalam mengeksploitasi sumber semulajadi, termasuk tanah ‘marginal’.
- 32.5 Pembangunan berterusan masyarakat dalam ekosistem pinggir dan rapuh adalah juga diutarakan dalam Agenda 21. Kunci kepada kejayaan pelaksanaan program ini terletak kepada motivasi dan sikap petani dan dasar kerajaan yang menyediakan insentif kepada petani untuk menguruskan sumber semulajadi

secara cekap dan cara yang kaedah mapan. Petani, khususnya, wanita menghadapi ketidak pastian yang tinggi dari segi ekonomik, perundangan dan institusi apabila melabur tanah dan sumber mereka yang lain. Membuat keputusan secara disentralisasi ke arah pertubuhan tempatan dan adalah kunci kepada sikap masyarakat dan pelaksanaan strategi perladangan mapan. Bidang program ini mengendalikan aktiviti yang akan menyumbang kepada kejayaan ini.

### Objektif

32.6 Objektif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Menggalakkan proses membuat keputusan secara disentralisasi melalui pembentukan dan memperkukuhkan pertubuhan tempatan dan kampung yang akan mengamanahkan kuasa dan tanggungjawab kepada pengguna utama sumber semulajadi;
- (b) Menyokong dan meningkatkan keupayaan perundangan wanita dan kumpulan mudah terjejas yang berkaitan dengan kemudahan, penggunaan dan pemilikan tanah;
- (c) Memaju dan menggalakkan amalan perladangan dan teknologi secara berterusan;
- (d) Memperkenal atau memperkukuhkan dasar yang akan menggalak 'self-sufficiency' dalam input rendah dan teknologi tenaga rendah, termasuk amalan asli dan mekanisme harga yang diambil kira dalam kos alam sekitar;
- (e) Membangunkan rangkakerja dasar yang akan menyediakan insentif dan motivasi di kalangan petani untuk amalan perladangan yang cekap dan mapan;
- (f) Mempertingkatkan penyertaan petani, lelaki dan wanita dalam merekabentuk dan melaksanakan dasar ke arah ini melalui wakil pertubuhan mereka;

### Aktiviti

(a) *Aktiviti berkaitan dengan pengurusan*

32.7 Kerajaan mesti:

- (a) Menentukan pelaksanaan program pertanian 'sustainable livelihoods' dan pembangunan luar bandar, pengurusan ekosistem rapuh, penggunaan air untuk pertanian dan pengurusan bersepadu sumber semulajadi;

- (b) Meningkatkan mekanisme harga, dasar perdagangan, insentif sosial dan polisi instrumen yang lain yang akan memberi kesan positif kepada petani yang membuat keputusan sendiri tentang kecekapan akan penggunaan mapan sumber semulajadi, dengan mengambil kira kesan keputusan ini ke atas isi rumah keselamatan makanan, pendapatan ladang, pekerjaan dan alam sekitar;
- (c) Melibatkan petani dan wakil pertubuhan dalam pembentukan dasar;
- (d) Melindungi, mengiktiraf dan 'formalize' hak wanita dalam pemilikan dan penggunaan tanah, dan hak kepada tanah, hak kredit, teknologi input dan latihan;
- (e) Menyokong pembentukan pertubuhan petani dengan menyediakan keadaan perundangan dan sosial yang mencukupi.

32.8 Menyokong pertubuhan petani boleh diuruskan seperti berikut:

- (a) Penyelidikan kebanyakan dan antarabangsa mesti bekerjasama dengan pertubuhan petani dalam mengwujudkan teknik perladangan yang mengikut kehendak alam mengikut keadaan setempat;
- (b) Kerajaan, agensi pelbagai hala dan dua hala dan pertubuhan bukan kerajaan mesti bekerjasama dengan pertubuhan petani dalam menggubal projek pembangunan pertanian berdasarkan zon agro-ekologikal yang khusus.

(b) *Data dan maklumat*

32.9 Kerajaan dan pertubuhan petani hendaklah:

- (a) Memulakan mekanisme untuk mendokumentasi, memahami dan menyebarkan pengetahuan tempatan, amalan dan pengalaman projek supaya dapat menggunakan pengajaran yang lepas bila menggubal dan melaksanakan dasar yang akan memberi kesan kepada perladangan, perhutanan dan populasi perikanan;
- (b) Mengwujudkan rangkaian untuk bertukar pengalaman berkaitan dengan perladangan dalam membantu memulihara tanah, air dan sumber hutan, mengurangkan penggunaan kimia dan mengurangkan atau menggunakan semula sisa ladang;
- (c) Mengwujudkan projek perintis dan perkhidmatan pengembangan yang akan membantu membina keperluan dan asas pengetahuan petani wanita.

(c) *Kerjasama antarabangsa dan serantau*

- 32.10 FAO, IFAD, WFP, Bank Dunia, bank pembangunan serantau dan pertubuhan antarabangsa yang lain yang terlibat dalam pembangunan luar bandar mesti melibatkan petani dan wakil mereka dalam perbincangan, dimana sesuai.
- 32.11 Wakil pertubuhan petani mesti mengwujudkan program untuk pembangunan dan menyokong pertubuhan petani, khususnya dalam negara yang sedang membangun.

*Kaedah pelaksanaan*

(a) *Pembiayaan dan kos penilaian*

- 32.12 Pembiayaan yang diperlukan dalam bidang program ini yang dianggarkan terdapat dalam Bab 14 bertajuk 'Menggalak pertanian mapan dan pembangunan luar bandar', khususnya dalam bidang program bertajuk 'Memastikan penglibatan masyarakat dan menggalak pembangunan sumber manusia'. Harga yang ditunjukkan dalam Bab 3, 12 dan 13 mengenai menangani kemiskinan, desertifikasi dan kemarau, pembangunan gunung yang mapan adalah juga berkaitan dalam bidang program ini.

(b) *Kaedah saintifik dan teknologi*

- 32.13 Kerjasama dan pertubuhan antarabangsa yang berkaitan, dengan kerjasama dari organisasi penyelidikan kebangsaan dan bukan pertubuhan kerajaan, hendaklah:
- (a) Mmengwujudkan teknologi perladangan alam sekitar yang boleh meningkatkan penghasilan tanaman, mengekal kualiti tanah, guna semula nutrien, memulihara air dan tenaga dan mengawal perosak dan rumpai;
  - (b) Menjalankan kajian pertanian sumber tinggi dan rendah untuk membuat perbandingan dari segi produktiviti dan mapan. Penyelidikan perlu dijalankan di bawah pelbagai keadaan alam sekitar dan sosiologikal;
  - (c) Menyokong penyelidikan mengenai mekanisme yang boleh mengoptima buruk manusia dan tenaga haiwan dan 'hand-held' dan peralatan 'animal-drawn' yang senang dikendalikan dan diselenggara. Pembangunan teknologi ladang mesti mengambil kira sumber sedia ada petani dan peranan haiwan dalam 'household' perladangan dan ekologi.

(c) *Pembangunan sumber manusia*

- 32.14 Kerajaan dengan sokongan dan agensi pembangunan dua hala dan pelbagai hala dan pertubuhan saintifik, mesti membangun kurikulum untuk kolej pertanian dan latihan institusi yang boleh mengintegrasikan ekologi kepada sains pertanian. Program antara disiplin dalam ekologi pertanian adalah penting untuk latihan generasi baru saintis pertanian dan agen perhubungan diperingkat kerja luar.

(d) *Pembinaan keupayaan*

32.15 Kerajaan mesti, dengan mengambil kira keadaan khusus setiap negara,

- (a) Membentuk mekanisme institusi dan perundangan untuk memastikan pemilikan tanah untuk petani. Tanpa perundangan yang menunjukkan hak tanah telah menjadi penghalang dalam mengambil tindakan ke atas kemerosotan tanah dalam masyarakat perladangan dalam negara sedang membangun;
- (b) Memperkukuhkan institusi luar bandar yang boleh mempertingkatkan kemapanan melalui pengurusan sistem kredit tempatan dan bantuan teknikal, pengeluaran tempatan dan agihan kemudahan untuk input peralatan yang sesuai, dan unit memproses yang berskala kecil, dan sistem pemasaran dan pengedaran;
- (c) Mengwujudkan mekanisme untuk mempertingkatkan hak petani, khususnya wanita dan petani dari kumpulan pribumi kepada latihan pertanian, kredit dan menggunakan teknologi yang telah diperbaiki untuk memastikan keselamatan makanan.

